

PANDUAN PROJEK PENYELIDIKAN I



Editor

Ikarastika Rahayu Abdul Wahab
Norhafizah Md Zain
Zuharlida Tuan Harith
Ch'ng Huck Ywih
Hasnita Che Harun
Yusrina Andu

PANDUAN PROJEK PENYELIDIKAN I

Editor

Ikarastika Rahayu Abdul Wahab

Norhafizah Md. Zain

Zuharlida Tuan Harith

Ch'ng Huck Ywih

Hasnita Che Harun

Yusrina Andu

Hakcipta © Fakulti Industri Asas Tani, 2022

Hakcipta adalah terpelihara. Setiap bahagian daripada terbitan ini tidak boleh diterbitkan semula, disimpan untuk pengeluaran atau dipindahkan kepada bentuk lain, sama ada dengan cara elektronik, mekanikal, gambar, rakaman dan sebagainya tanpa mendapat izin daripada Fakulti Industri Asas Tani.

PANDUAN PROJEK PENYELIDIKAN 1 / Ikarastika Rahayu Abdul Wahab, Norhafizah Md. Zain, Zuharlida Tuan Harith, Ch'ng Huck Ywih, Hasnita Che Harun, Yusrina Andu
eISBN 978-967-0021-01-0

e ISBN 978-967-0021-01-0



Diterbitkan oleh:
Fakulti Industri Asas Tani,
Universiti Malaysia Kelantan Kampus Jeli,
17600 Jeli,
Kelantan

KANDUNGAN

Kandungan	Halaman
PRAKATA	vii
KATA ALUAN DEKAN	viii
KATA ALUAN PENYELARAS PROJEK PENYELIDIKAN TAHUN AKHIR	ix
1.0 Pendahuluan	1
2.0 Peranan Individu Berkepentingan	1
3.0 Keperluan Dalam Penyediaan Laporan	3
3.1 Bahasa	3
3.2 Panjang Laporan	4
3.3 Saiz, Warna dan Kualiti Kertas	4
3.4 Halaman depan laporan	4
3.5 Bilangan Salinan	5
3.6 Plagiarisme	5
4.0 Format Penulisan Laporan	6
4.1 Jenis Huruf dan Saiz	6
4.2 Jidar	6
4.3 Bab, Tajuk dan Tajuk Kecil Teks	8
4.4 Selang Baris	9
4.5 Perenggan	9
4.6 Petikan	10
4.7 Nota kaki	11
4.8 Penomboran Halaman	11
4.9 Jadual/ Rajah/ Persamaan	12
4.10 Simbol/ Singkatan	13
5.0 Bahagian Laporan	14

5.1	Bahagian Kulit	14
5.2	Bahagian Awal (<i>Preliminary Contents</i>)	14
5.3	Bahagian Teks Utama	16
5.4	Bahagian Hujung	21
5.5	Penyerahan Laporan Cadangan Projek Penyelidikan I	23
6.0	Proses Pengurusan	23
7.0	Perkara Lain	24
8.0	Etika Penyelidikan	24
9.0	Kaedah Pentaksiran	26
	RUJUKAN	26
	LAMPIRAN	27

LAMPIRAN

	Halaman
Contoh Penulisan Halaman Depan Laporan	27
Bab, Tajuk, dan Tajuk Kecil Teks	28
Petikan	30
Contoh Jadual/Rajah/Persamaan	31
Panduan Umum Penggunaan Simbol dan Singkatan	34
<i>Executive Summary</i>	38
Contoh Format Penulisan Kandungan	39
Senarai Rajah	40
Senarai Jadual	41
Senarai Simbol dan Singkatan	42
Carta Alir	43
Carta Gantt dan Carta Pambatuan	44
Bajet	45
Format Rujukan	46
Laporan Turnitin	48
Contoh Borang Penyerahan Laporan Projek Akademik Untuk Pemeriksaan	49
Contoh Jadual Proses Pengurusan Laporan	50
Contoh Carta Alir Proses Pengurusan Laporan	52
Contoh Borang Permohonan Bahan Kimia	55
Contoh Borang Permohonan Peralatan Makmal	56
Contoh Borang Kebenaran Bekerja di Dalam Makmal Selepas Waktu Pejabat	57
Contoh Borang Menjalankan Penyelidikan	58
Contoh Borang Permohonan Perkhidmatan Projek Tahun Akhir/Penyelidikan Pejabat <i>Agro Techno Park</i>	59
Contoh Borang Permohonan Penilaian Kepatuhan kepada Etika Penyelidikan Peringkat PTJ	60
Contoh <i>Biorisk Assessment Form</i>	61
Contoh <i>Preliminary Assessment Form</i>	62
Contoh <i>Application for Approval of a Project Involving the Use and Care of Animals Form</i>	63
Contoh <i>Application Form for UMK REC (Human)</i>	64
Contoh <i>Respondent's Information Sheet and Informed Consent Form</i>	65
Contoh <i>Respondent's Information Sheet and Guardian's/ Parent Consent Form</i>	66
Contoh <i>General Reference for Researcher Regarding Research Ethics for Human</i>	67
Rubrik Pemarkahan	68

PRAKATA

Buku Panduan Penyediaan Laporan Cadangan Projek Penyelidikan I ini disediakan sebagai asas rujukan kepada para pensyarah serta pelajar Fakulti Industri Asas Tani (FIAT) yang telah berdaftar untuk subjek Projek Penyelidikan I. Sebahagian besar daripada format yang terdapat dalam buku ini diambil adalah berpandukan **PANDUAN LAPORAN PROJEK AKADEMIK PRASISWAZAH UMK, EDISI KEDUA 2018, TERBITAN PEJABAT TIMBALAN NAIB CANSELOR (AKADEMIK & ANTARABANGSA), UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN** tetapi telah dikemaskini agar ianya selari dengan kesesuaian pelajar yang mengambil subjek Projek Penyelidikan I di FIAT.

Buku panduan ini terdiri daripada format penulisan laporan, contoh penulisan serta lampiran borang yang berkaitan dengan Projek Penyelidikan I. Pada akhir subjek ini, pelajar dikehendaki menyediakan sebuah laporan cadangan penyelidikan yang akan dinilai oleh pemeriksa dan penyelia. Semoga dengan panduan lengkap yang diberikan di dalam buku ini dapat memanfaatkan serta membantu para pelajar dalam menyediakan laporan cadangan projek pada akhir semester.

KATA ALUAN DEKAN

Projek Penyelidikan I dan II merupakan sebahagian daripada keperluan penganugerahan Ijazah Sarjana Muda di Fakulti Industri Asas Tani (FIAT), Universiti Malaysia Kelantan (UMK). Kursus ini telah memberi peluang kepada pelajar untuk merancang, mencadangkan, menjalankan eksperimen, serta membentangkan laporan hasil penyelidikan mereka. Setiap pelajar dibimbing oleh penyelia dari kalangan pensyarah fakulti yang berpengalaman dan pakar dalam bidang masing-masing. Pelajar dikehendaki melibatkan diri dalam kaedah penyelidikan dan penulisan cadangan penyelidikan, serta bengkel peningkatan kemahiran praktikal. Pelajar juga harus mematuhi peraturan keselamatan dan kesihatan yang ketat yang telah ditetapkan oleh anggota Teknikal dan Keselamatan Pekerjaan fakulti. Hasil akhir daripada pendedahan yang menyeluruh ini, para pelajar harus membentangkan penemuan mereka dalam Kolokium Projek Penyelidikan Tahun Akhir dan seterusnya mengemukakan laporan penyelidikan mereka dalam bentuk tesis.

Di FIAT, kami amat berbangga dengan kualiti tesis pelajar tahun akhir kami kerana beberapa daripadanya telah diterbitkan dalam jurnal berprestij, terlibat dalam sesi lontaran idea (*pitching session*) kepada beberapa industri, dan memasuki pertandingan inovasi. Pengalaman awal dalam membuat penyelidikan akan menyediakan para pelajar untuk menghadapi cabaran pada masa akan datang, tidak hanya dalam dunia akademik tetapi juga menyesuaikan diri mereka untuk bersaing dalam industri dan muncul sebagai usahawan yang serba boleh. Kebolehan menyelesaikan masalah secara saintifik, keupayaan berfikir secara kreatif dan kritis dan kemahiran analitik yang dipupuk sepanjang kursus adalah kemahiran yang sesuai dengan trend semasa sebagai hasil pembelajaran yang diukur di seluruh dunia.

Kami mengucapkan selamat maju jaya kepada pelajar-pelajar kami dan kami berharap kemahiran dan pengalaman yang mereka perolehi akan digunakan dengan sebaiknya pada masa hadapan.

Syabas dan Tahniah kerana menyiapkan Projek Penyelidikan Tahun Akhir anda!

Prof. Madya Dr. Seri Intan Mokhtar
Dekan (2018-2019)
Fakulti Industri Asas Tani (FIAT)

KATA ALUAN PENYELARAS PROJEK PENYELIDIKAN TAHUN AKHIR

Sebagai sebahagian daripada syarat penganugerahan bagi Ijazah Sarjana Muda dengan Kepujian dalam Sains Gunaan, pelajar tahun akhir di Fakulti Industri Asas Tani (FIAT) adalah disyaratkan untuk menyelesaikan projek penyelidikan mereka yang terdiri daripada dua bahagian; Projek Penyelidikan (FYP) I dan II. Sebelum memulakan eksperimen mereka, para pelajar haruslah menghadiri siri kuliah dan bengkel, serta mempertahankan cadangan penyelidikan mereka semasa FYPI. Memasuki fasa FYPII, pelajar akan mempraktikkan secara langsung kemahiran makmal, menunjukkan keupayaan untuk menganalisis dan membincangkan penemuan penyelidikan mereka. Pelajar juga akan dinilai melalui penulisan tesis dan pembentangan hasil penyelidikan dalam Kolokium Projek Tahun Akhir FIAT. Di akhir pembelajaran, pelajar diharapkan dapat mencapai tahap penyelesaian masalah secara kreatif dan kritis, mempraktikkan kemahiran saintifik dan psikomotor yang tinggi, serta menunjukkan kemahiran insaniah yang baik, terutama dalam komunikasi serta etika penyelidikan.

Sebagai Penyelaras Projek Penyelidikan Tahun Akhir, saya bersyukur kerana saya dikelilingi oleh ahli pasukan yang menyokong dan komited terhadap tugas dan tanggungjawab sebagai penyelaras FYP untuk program masing-masing, di samping rakan penyelia yang sentiasa memberikan kerjasama. Saya amat menghargai para pelajar kami yang menjadi pemain utama dalam menjadikan dua siri FYP ini berjaya. Akhir sekali, saya berterima kasih kepada semua kakitangan makmal dan pentadbir, dan semua yang telah memberi sumbangan secara langsung dan tidak langsung sepanjang kursus ini dijalankan.

Seperti kata pepatah Arab, "Pengetahuan adalah harta, tetapi latihan adalah kunci untuknya".

Tahniah dan terima kasih.

Dr Ikarastika Rahayu bt Abdul Wahab
Penyelaras Projek Penyelidikan Tahun Akhir
Fakulti Industri Asas Tani (FIAT)

1.0 Pendahuluan

- 1.1 Panduan Laporan Projek Akademik Prasiswazah UMK ini digubal untuk membantu pelajar menyediakan laporan akademik sama ada dalam bentuk Cadangan atau Laporan Projek Penyelidikan Tahun Akhir (PPTA), Laporan Latihan Industri, *Student In Enterprise Program* (SIEP), atau lain-lain bentuk laporan akademik yang melibatkan penyeliaan pensyarah mengikut ketetapan program pengajian masing-masing.

- 1.2 Pelajar perlu memastikan sendiri bahawa laporan projek akademik (selepas ini disebut sebagai laporan sahaja) yang disediakan mematuhi Panduan ini. Kegagalan pelajar berbuat demikian akan menyebabkan laporannya ditolak untuk tujuan pemeriksaan dan penggredan markah.

2.0 Peranan Individu Berkepentingan

- 2.1 Pelajar, penyelaras, penyelia dan pemeriksa merupakan individu berkepentingan dalam pengurusan, penyediaan, dan pemeriksaan laporan pelajar.

- 2.2 Setiap pelajar perlu:
 - 2.2.1 mengenalpasti bidang dan topik penyelidikan berdasarkan minat masing-masing dengan persetujuan penyelia;
 - 2.2.2 mengadakan perbincangan berkala dengan penyelia dan merekod masa dan hasil pertemuan;

- 2.2.3 menyediakan cadangan penyelidikan dan/atau laporan akhir dalam tempoh yang ditetapkan oleh fakulti/pusat;
- 2.2.4 memastikan tiada unsur plagiat di dalam penulisan;
- 2.2.5 mematuhi Garis Panduan Etika Haiwan dan Garis Panduan Penglibatan Manusia dalam Penyelidikan UMK;
- 2.2.6 membuat pembetulan yang disarankan sebelum menghantar laporan akhir kepada fakulti;
- 2.2.7 menanggung sendiri semua kos perbelanjaan dalam penyediaan laporan; dan
- 2.2.8 menyerahkan naskah laporan akhir yang telah dijilid atau diikat kepada fakulti/pusat mengikut format, bilangan salinan, dan masa yang telah ditetapkan.

2.3 Setiap penyelaras perlu:

- 2.3.1 mempamerkan senarai bidang kepakaran penyelia kepada pelajar;
- 2.3.2 memastikan nisbah agihan pelajar dan penyelia yang munasabah;
- 2.3.3 mengumpul dan menyimpan maklumat penyeliaan pelajar;
- 2.3.4 memberikan taklimat kepada pelajar dalam perkara yang berkaitan;
- 2.3.5 mencadangkan pelantikan pensyarah sebagai pemeriksa laporan pelajar;
- 2.3.6 menentukan tarikh pentaksiran laporan pelajar; dan
- 2.3.7 mengumpul dan menyerahkan laporan pelajar kepada penyelia dan pemeriksa.

2.4 Setiap penyelia perlu:

- 2.4.1 memastikan skop penyeliaan bersesuaian dengan bidang disiplin dan tahap pengajian pelajar;
- 2.4.2 mengadakan perbincangan berkala dan mengesahkan rekod dan hasil pertemuan dengan pelajar;
- 2.4.3 membantu pelajar dalam penyediaan cadangan penyelidikan dan/atau laporan akhir; dan
- 2.4.4 membuat pentaksiran dan penggredan terhadap laporan dan/atau aktiviti kerja pelajar mengikut rubrik yang telah ditetapkan.

2.5 Setiap pemeriksa perlu:

- 2.5.1 membuat pentaksiran terhadap laporan pelajar mengikut tempoh masa dan rubrik yang telah ditetapkan;
- 2.5.2 mencadangkan pembetulan yang diperlukan;
- 2.5.3 menghadiri sesi pentaksiran yang ditetapkan; dan
- 2.5.4 menyerahkan hasil pentaksiran kepada penyelaras atau pihak yang dilantik fakulti/pusat pada masa yang ditetapkan.

3.0 Keperluan Dalam Penyediaan Laporan

3.1 Bahasa

- 3.1.1 Laporan perlu disediakan dalam Bahasa Malaysia (BM) atau Bahasa Inggeris (BI) SAHAJA, tetapi penulisan dalam BI sangat digalakkan.
- 3.1.2 Percampuran antara dua bahasa tersebut TIDAK DIBENARKAN dalam laporan, kecuali istilah yang tidak boleh diterjemah ke dalam BM atau BI dan perlu ditulis dengan huruf condong.

3.2 Panjang Laporan

3.2.1 Panjang laporan cadangan adalah antara 10,000 dan 25,000 patah perkataan.

3.3 Saiz, Warna dan Kualiti Kertas

3.3.1 Laporan perlu ditulis menggunakan kertas bersaiz A4 (210 mm x 297 mm), berwarna putih, dan dengan berat 80 gram.

3.3.2 Jika kertas saiz yang lebih besar digunakan (untuk skema, lukisan, dll.), kertas tersebut perlu dilipat kepada saiz A4.

3.4 Halaman depan laporan

3.4.1 Tajuk mesti menerangkan mengenai kandungan penyelidikan secara tepat dan ringkas, serta ditulis menggunakan jenis huruf Times New Roman 16 poin. Halaman depan mesti mengandungi maklumat yang disenaraikan mengikut turutan berikut (**Lampiran A**):

- a) Logo UMK
- b) Tajuk Penyelidikan
- c) Nama Penuh Pelajar
- d) No. Matrik Pelajar
- e) Nama Ijazah
- f) Nama Fakulti
- g) Nama Universiti
- h) Tahun

3.5 Bilangan Salinan

3.5.1 Sekurang-kurangnya dua (2) salinan Laporan Cadangan Projek Penyelidikan yang perlu diserahkan kepada penyelar program masing-masing untuk tujuan pemeriksaan.

3.5.2 Pelajar perlu menyediakan salinan untuk diri sendiri.

3.6 Plagiarisme

Plagiarisme bermaksud “perbuatan meniru atau mengutip sebahagian atau keseluruhan karya orang lain tetapi mengakui karya tersebut sebagai usahanya sendiri”. Dalam bidang akademik, gejala menciplak oleh pelajar, profesor dan penyelidik dianggap sebagai penyelewengan akademik dan pesalah boleh dikenakan hukuman berat termasuklah digantung atau dibuang dari universiti. Perisian yang digunakan oleh Universiti Malaysia Kelantan (UMK) untuk mengesan plagiarisme ialah Turnitin. Pelajar perlu menyerahkan laporan keaslian Turnitin kepada penyelia semasa proses penulisan cadangan untuk pemantauan (<25%).

4.0 Format Penulisan Laporan

4.1 Jenis Huruf dan Saiz

4.1.1 Pelajar hendaklah menggunakan jenis huruf TIMES NEW ROMAN, bersaiz 12, pada keseluruhan laporan cadangan. Walau bagaimanapun, jenis huruf Times New Roman bersaiz 10-11 boleh digunakan dalam Rajah (Figure) dan Jadual (Table).

4.1.2 Teks tidak meletakkan tanda petikan atau dicondongkan, kecuali bagi nama saintifik, istilah dalam bahasa asing atau petikan perkataan atau ayat.


4.2 Jidar

4.2.1 Ukuran jidar (margin) adalah seperti berikut (lihat Rajah 1):

- Jidar atas : 25 mm dari atas
- Jidar bawah : 25 mm dari bawah
- Jidar kanan : 25 mm dari kanan
- Jidar kiri : 35 mm dari kiri

4.2.2 Jidar atas halaman pertama setiap bab ialah 50 mm.

4.2.3 Ruangan jidar bawah hanya boleh digunakan untuk penomboran halaman dan penulisan nota kaki sahaja.



Rajah 1: Saiz jidar bagi setiap halaman biasa laporan

4.3 Bab, Tajuk dan Tajuk Kecil Teks

- 4.3.1 Bab, tajuk dan tajuk kecil teks perlu ditaip tebal dengan jenis huruf Times New Roman 12 poin.
- 4.3.2 Bab perlu ditulis dalam HURUF BESAR di bahagian atas tengah teks, manakala tajuk dan tajuk kecil ditulis dengan huruf besar pada huruf pertama setiap perkataan sahaja dan disantak kiri. Sebanyak dua (2) kali kekunci *Enter* perlu diletakkan di antara bab dan tajuk, sebaliknya ia tidak diperlukan antara tajuk dan tajuk kecil.
- 4.3.3 Bab, tajuk dan tajuk kecil perlu dinombor mengikut turutan yang sewajarnya.
- 4.3.4 Bab perlu bernombor bulat tanpa sebarang perpuluhan. Tajuk dalam bab hendaklah dinomborkan mengikut format bab di mana nombor bab berada di hadapan diikuti nombor tajuk dan seterusnya nombor tajuk kecil. Nombor tajuk dan tajuk kecil dengan perpuluhan menunjukkan tahap kedalaman sesuatu topik tersebut.
- 4.3.5 Pecahan tajuk kecil perlu dinombor sehingga dua titik perpuluhan sahaja. Tajuk kecil seterusnya perlu menggunakan abjad (a, b, c,) dan tajuk kecil dibawahnya menggunakan angka Roman.
- 4.3.6 Jadual 1 merupakan format penomboran bab, tajuk dan tajuk kecil. Manakala contoh penulisan bab, tajuk dan tajuk kecil teks adalah seperti di **Lampiran B.**

4.4 Selang Baris

- 4.4.1 Teks perlu ditaip selang 2.0 baris di sepanjang laporan.
- 4.4.2 Dua (2) kali kekunci *Enter* perlu diletakkan di antara perenggan dan tajuk, perenggan dan kapsyen dan di antara perenggan dan jadual atau rajah atau persamaan (*floats*), tetapi tidak diperlukan di antara perenggan.
- 4.4.3 Selang satu baris perlu dibuat untuk ringkasan eksekutif, senarai kandungan, nota kaki, petikan panjang, tajuk atau tajuk kecil yang terlalu panjang, kapsyen dalam jadual atau rajah, singkatan, lampiran dan senarai rujukan.

4.5 Perenggan

- 4.5.1 Permulaan perenggan perlu dianjak (*indented*) dengan jarak tidak lebih daripada satu (1) kali kekunci-tab atau 1.25 cm dari jidar kiri.
- 4.5.2 Dalam satu halaman teks, setiap perenggan perlu mempunyai sekurang-kurangnya dua (2) baris penuh. Jika tidak, teks mestilah dimulakan pada halaman berikutnya.
- 4.5.3 Sebanyak dua (2) kali kekunci *Enter* perlu ditetapkan di antara bab dan tajuk, tajuk dan perenggan, perenggan dan kapsyen dan di antara perenggan dan jadual/ rajah/ persamaan, tetapi tidak diperlukan di antara perenggan.
- 4.5.4 Perenggan bagi keseluruhan teks perlu disantak (*justified*) kiri dan kanan, kecuali bagi jadual/ rajah/ persamaan yang perlu diletakkan di tengah teks.

4.6 Petikan

4.6.1 Petikan dalam laporan perlu ditulis mengikut format seperti dalam Jadual 1.

4.6.2 Jenis huruf TNR 12 poin perlu digunakan dalam semua petikan. Abjad pertama dalam sebutan adalah berhuruf besar. Contoh petikan bab (Chapter 9), bahagian (Section 2.6), persamaan (Equation 3.3), nama pengarang dan tahun (David & Rosenberg, 2018) ditunjukkan dalam **Lampiran C**.

4.6.3 Format petikan perlu mengikut gaya *American Psychological Association* (APA) atau *APA Electronic Reference Format* edisi terbaru yang boleh didapati di <https://owl.english.purdue.edu/owl/resource/560/01/>.

Jadual 1: Format penulisan petikan dalam teks

Perkara	Cara Penulisan	Contoh
Jadual	Jadual Nombor bab. Nombor turutan:	Jadual 4.4
Rajah	Rajah Nombor bab. Nombor turutan	Rajah 2.1
Persamaan	Persamaan (Nombor bab. Nombor turutan)	Persamaan (3.3)
Tajuk	Bab Nombor bab, Seksyen Nombor bab. Nombor tajuk. Nombor tajuk kecil	Bab 4, Bahagian 2.6
Petikan Langsung (tidak lebih dari 3 baris)	“... petikan langsung” (Penulis, Tahun: Halaman)	“... petikan langsung” (Aminuddin, 1998: 120)
Petikan Langsung (lebih dari 3 baris)	Petikan hendaklah dianjak dengan jarak 1.27 cm dari jidar kiri dan kanan menggunakan jenis huruf TNR 11 dan selang baris 1.0	Aminuddin Hashim (1998:20) mencadangkan: Petikan langsung
Rujukan dalam teks	Pengarang (Tahun)	Thomas et al. (2006)
Rujukan hujung teks	(Pengarang, Tahun)	(Thomas et al., 2006)
Lampiran	Lampiran.Nombor (tanpa no. bab)	Lampiran A

4.7 Nota kaki

- 4.7.1 Nota kaki (jika ada) perlu ditulis selang satu baris dengan jenis huruf TNR 10 poin.
- 4.7.2 Ia perlu ditulis di jidar bawah halaman berkenaan.

4.8 Penomboran Halaman

- 4.8.1 Halaman sebelum Bab Satu (1) seperti penghargaan, senarai jadual, senarai rajah, senarai singkatan, senarai simbol, dan abstrak perlu dinombor dalam angka kecil Roman, iaitu i, ii, iii, iv. Namun harus diingat bahawa halaman permulaan atau halaman kulit dalam (halaman judul/ tajuk selepas kulit keras) adalah dianggap sebagai halaman "i" dan tidak perlu dicetak, tetapi perlu diambil kira untuk menombor halaman yang berikutnya.
- 4.8.2 Halaman teks dari halaman pertama, Bab Pertama (Bab 1) perlu dinombor dengan angka Arab, iaitu 1, 2, 3, secara berturutan sepanjang laporan, termasuk halaman jadual, rajah dan senarai rujukan. Semua halaman lampiran tidak perlu dinombor.
- 4.8.3 Nombor halaman perlu ditaip dengan jenis huruf TNR 12 poin, tidak ditebalkan atau ditaip condong dan tidak dimasukkan dalam tanda kurungan, tanda hubung atau mana-mana jenis tulisan hiasan lain.
- 4.8.4 Nombor halaman perlu dicetak sekurang-kurangnya 12.5 mm dari jidar bawah dan di bahagian tengah.

4.9 Jadual/ Rajah/ Persamaan

- 4.9.1 Jadual/ rajah/ persamaan dalam dokumen laporan merujuk kepada mana-mana bahagian laporan yang tidak menyerupai apa-apa bentuk teks biasa.
- 4.9.2 Data, rumusan, imej, lukisan, algoritma, kod alir, kod skema dan program adalah contoh maklumat yang dipersembahkan dalam bentuk jadual/ rajah/ persamaan. Data perlu dinyatakan dalam jadual; rumus perlu diringkaskan dalam persamaan; manakala kod, imej, lukisan dan seumpamanya perlu dipamerkan dalam rajah.
- 4.9.3 Semua jadual/ rajah/ persamaan perlu terlebih dahulu dipetik dalam teks, sebelum ia muncul di tempat yang paling hampir dengan bahagian teks yang dipetik.
- 4.9.4 Semua jadual/ rajah/ persamaan perlu mempunyai kapsyen dengan fon TNR 12 poin, diformatkan seperti dalam Jadual 2 dan ditempatkan di bahagian tengah teks laporan.

Jadual 2: Format penulisan kapsyen

Item	Lokasi Kapsyen	Cara Penulisan	Contoh
Rajah	Tengah, Bawah rajah	Rajah Bab.Nombor:	Rajah 2.1
Jadual	Tengah, Atas jadual	Jadual Bab. Nombor	Jadual 4.4
Persamaan	Hujung kanan persamaan	(Bab.Nombor)	(5.3)

- 4.9.5 Imej dalam rajah perlu dibentangkan dalam resolusi tinggi (sekurang-kurangnya 600 dpi). Semua persamaan TIDAK perlu berakhir dengan tanda bacaan (punctuation). Jadual perlu dibina dengan garis melintang sahaja. Teks dalam jadual mesti menggunakan fon TNR tidak kurang dari 10 poin dan menggunakan penjajaran yang sesuai.

- 4.9.6 Persamaan yang mempunyai lebih daripada dua baris tidak perlu memasukkan kapsyen pada setiap baris. Sebaliknya hanya kapsyen tunggal perlu diletakkan jidar hujung kanan pada baris terakhir persamaan, walaupun ianya muncul di halaman lain.
- 4.9.7 Contoh kapsyen jadual/ rajah/ persamaan ialah seperti dalam **Lampiran D**.

4.10 Simbol/ Singkatan

- 4.10.1 Simbol dan singkatan ialah suatu ringkasan sistematik yang mewakili sesuatu nilai/ hubungan/ kesatuan/ persetujuan. Ia banyak digunakan dalam penulisan bidang tertentu untuk menunjukkan sesuatu operasi, kuantiti, unsur atau kualiti.
- 4.10.2 Simbol dan singkatan termasuk simbol matematik/ statistik, tatanama, unit dan ikon teknologi maklumat.
- 4.10.3 Simbol atau singkatan biasa dalam kebanyakan perisian komputer boleh digunakan. Sebaliknya, simbol atau singkatan yang jarang digunakan adalah tidak digalakkan.
- 4.10.4 Penukaran jenis tulisan normal kepada tulisan italik untuk menulis simbol dan singkatan adalah dilarang.
- 4.10.5 **Lampiran E** menunjukkan contoh simbol dan singkatan yang biasa digunakan.

5.0 Bahagian Laporan

Setiap jenis laporan biasanya mempunyai lima (5) bahagian, iaitu bahagian kulit, bahagian awal, bahagian teks utama, bahagian rujukan dan bahagian lampiran.

5.1 Bahagian Kulit

5.1.1 Bahagian kulit terbahagi kepada tiga (3) pecahan, iaitu kulit hadapan, kulit dalam dan kulit belakang seperti yang telah diterangkan di Bahagian penghantaran laporan cadangan penyelidikan.

5.2 Bahagian Awal (*Preliminary Contents*)

Bahagian awal merupakan bahagian permulaan, iaitu sebelum permulaan teks dalam Bab Satu (Bab 1). Struktur umum laporan cadangan penyelidikan haruslah mengandungi perkara berikut mengikut turutan serta kesesuaian laporan:

5.2.1 Ringkasan Eksekutif (*Executive Summary*)

Ringkasan eksekutif merupakan pernyataan umum serta ringkasan mengenai cadangan penyelidikan yang dijalankan. Ini termasuklah pernyataan masalah, objektif kajian, kaedah penyelidikan yang digunakan, hasil kajian/jangkaan hasil kajian serta kepentingan melakukan kajian tersebut berdasarkan hasil kajian/jangkaan hasil kajian. Maksimum **lima (5)** kata kunci (*keywords*) hendaklah dinyatakan di bawah ayat terakhir ringkasan eksekutif. Ianya bergantung kepada bahasa yang akan digunakan di dalam tesis (**Lampiran F**).

5.2.2 Kandungan (*Table of Contents*)

Senarai tajuk besar dan tajuk kecil kandungan dalam Laporan Cadangan Penyelidikan ditulis serta diletakkan halaman muka surat mengikut turutan masing-masing, (**Lampiran G**).

5.2.3 Senarai Jadual, Senarai Rajah, Persamaan (*List of Tables, List of Figures, Equations*)

Semua jadual, rajah dan persamaan yang terdapat dan digunakan dalam laporan perlu disenaraikan mengikut nombor halaman masing-masing. Item ini haruslah diasingkan dan disenaraikan mengikut kategori masing-masing, (**Lampiran H**) dan (**Lampiran I**).

5.2.4 Senarai Singkatan, Senarai Simbol (*List of Abbreviations/ List of Symbols*)

Semua singkatan dan simbol yang digunakan dalam laporan mestilah disenaraikan mengikut nombor halaman dan diasingkan mengikut kategori masing-masing, (**Lampiran J**).

5.2.5 Senarai Lampiran (*Appendices*)

Semua lampiran yang dimasukkan ke dalam laporan hendaklah disenaraikan mengikut turutan berserta dengan nombor halaman. Lampiran ini boleh terdiri daripada instrumen atau protokol kajian. Sebagai contoh, borang soal-selidik, borang temu bual, borang pemerhatian dan lain-lain. Selain daripada itu, maklumat tambahan yang lebih terperinci iaitu yang tidak dapat dimuatkan dalam teks utama juga boleh dimasukkan. Sebagai contoh, ilustrasi tambahan dalam bentuk jadual, rajah, sampel, carta alir, data asal, gambar atau lain-lain ditempatkan secara berasingan di halaman selepas bab terakhir laporan.

5.3 Bahagian Teks Utama

Secara norma, setiap laporan cadangan mengandungi lapan (8) bab dan mengikut turutan seperti yang berikut.

5.3.1 Pengenalan (*Chapter 1: Introduction*)

Bab ini hendaklah mengandungi keterangan mengenai latar belakang kajian, pernyataan masalah atau persoalan kajian, kepentingan kajian, skop kajian dan objektif yang berkaitan dengan kajian yang dijalankan. Penerangan lanjut adalah seperti yang berikut.

5.3.1.1 Latarbelakang Kajian (*Research Background*)

Penghuraian mengenai kajian yang ingin dijalankan, termasuklah pengenalan kepada kajian penyelidikan serta implikasi yang boleh diperolehi hasil daripada cadangan penyelidikan yang dilakukan.

5.3.1.2 Pernyataan Masalah (*Problem Statement*)

Masalah kajian ialah pernyataan mengenai isu utama kajian yang ingin diketengahkan termasuklah untuk menambah baik sesuatu pernyataan masalah, menjawab persoalan (*apa, bagaimana, mengapa, di mana, dan siapa*) masalah tersebut berlaku, serta kaedah yang akan digunakan bagi tujuan penyelesaian pernyataan masalah tersebut. Persoalan yang terdapat dalam pernyataan masalah ini adalah untuk memastikan masalah yang dinyatakan mempunyai jalan penyelesaian yang jelas.

5.3.1.3 Hipotesis (*Hypothesis*)

Hipotesis ialah mempunyai dua (2) elemen utama, iaitu mesti berasaskan fakta yang sedia ada dan boleh diujikaji. Kriteria

pertama diperolehi hasil daripada soroton literatur dan perbincangan bersama dengan penyelia. Manakala kriteria kedua diperolehi daripada hasil eksperimen yang dijalankan.

a) Hipotesis nol (*Null hypothesis*) (H_0)

Suatu andaian awal yang menyatakan tidak terdapat sebarang perbezaan, kesan dan kaitan signifikan antara kajian, populasi berlaku disebabkan sampel kajian atau ralat dalam kajian eksperimen.

Contoh:

H_0 : Tiada perbezaan antara purata hasil ternakan udang galah di antara Kolam A dan Kolam B.

b) Hipotesis alternatif (*Alternative hypothesis*) (H_a)

Suatu andaian yang menyatakan terdapat sebarang perbezaan, kesan dan kaitan signifikan antara kajian, populasi berlaku disebabkan sampel kajian atau ralat dalam kajian eksperimen.

Contoh:

H_a : Purata hasil ternakan udang galah di dalam Kolam A adalah lebih besar daripada purata hasil ternakan udang galah di dalam Kolam B.

5.3.1.4 Pernyataan Kajian (*Research Questions*) (pilihan/*optional*)

Bahagian ini menyatakan persoalan yang berkaitan dengan keseluruhan cadangan penyelidikan. Ianya mestilah dituliskan dengan jelas, tepat, fokus, kompleks serta mempunyai jawapan yang terbuka. Hanya persoalan yang berkaitan dengan isu yang ingin diketengahkan dan berdasarkan kesesuaian bidang pengajian.

5.3.1.5 Skop Kajian (*Scope of the Study*)

Skop kajian merujuk kepada sejauh mana bidang kajian akan dikaji dan parameter yang digunakan dalam kajian dinyatakan secara terperinci dan jelas. Skop ini termasuklah tujuan utama kajian, populasi atau sampel yang dikaji, jangkaan kajian, teori dan kaedah yang akan dibincangkan, lokasi geografi dan lain-lain yang bersesuaian dan berkaitan dengan kajian.

5.3.1.6 Kepentingan Kajian (*Significance of the Study*)

Bahagian ini hendaklah menjelaskan implikasi hasil dapatan kajian yang dijalankan sama ada terhadap individu atau kelompok tertentu dan juga terhadap bidang kajian itu sendiri. Di samping itu, sumbangan daripada segi aplikasi dan penggunaannya juga harus dinyatakan secara jelas.

5.3.1.7 Kekangan Kajian (*Limitation of the Study*) (pilihan/*optional*)

Semua kajian mempunyai kekangan yang boleh disebabkan oleh kesulitan yang timbul semasa kajian dijalankan, termasuklah daripada segi pengambilan sampel, eksperimen dan analisis statistik. Namun demikian, ianya dapat membantu penyelidik dalam menghadkan liputan kajian yang dijalankan dan juga membuka ruang untuk menulis cadangan untuk kajian akan datang.

5.3.1.8 Objektif Kajian (*Research Objectives*)

Objektif kajian menerangkan secara jelas perkara yang akan tercapai dalam kajian yang dijalankan serta mestilah realistik dan boleh dicapai dalam tempoh penyelidikan. Ketepatan menyatakan

objektif kajian boleh membantu pelajar mengumpul maklumat berguna untuk kajian, contohnya dalam pemilihan kaedah kajian atau pengambilan sampel adalah lebih tepat bagi mencapai objektif tersebut. Kebiasaannya terdapat dua (2) hingga tiga (3) objektif kajian yang ditulis dalam laporan, contohnya:

- 1) *To identify the number of banana leaf infected by plant pathogens.*
- 2) *To analyse the infected banana leaf using one-way ANOVA.*

5.3.2 Kajian Literatur (*Literature Review*)

Bab ini memaparkan soroton kajian yang berkaitan dengan pernyataan kajian yang sedang dikaji. Bahan bacaan yang dinyatakan dalam bahagian ini mestilah relevan dengan tajuk kajian, objektif, kaedah penyelidikan, teori asas dan pendekatan yang digunakan dalam kajian. Soroton kajian membolehkan pengkaji menghubungkan dan/atau membuat perbandingan dengan kajian terkini dengan kajian terdahulu, seterusnya mengenalpasti perbezaan dan/atau penambahbaikan yang akan dilakukan dalam kajian terkini. Sumber soroton kajian merangkumi jurnal, buku, majalah dan keratan surat khabar.

5.3.3 Metodologi (*Methodology*)

Bab ini menghuraikan secara terperinci mengenai bahan, alat radas, reka bentuk eksperimen, kaedah dan teknik penyelidikan serta pendekatan analisis data yang digunakan di dalam kajian. Dalam bab ini, pelajar perlu menulis metodologi bagi laporan cadangan dalam *Future Tense*. Metodologi dapat dipecahkan kepada tiga (3) tajuk besar:

5.3.3.1 Bahan dan Alat Radas (*Materials and Apparatus*)

Semua bahan yang diperlukan untuk projek yang dicadangkan hendaklah disenaraikan dalam bentuk perenggan, dan bukannya dalam bentuk senarai.

5.3.3.2 Kaedah (*Methods*)

Bahagian ini menerangkan mengenai kaedah yang digunakan, seperti model atau pembolehubah kajian, kaedah persampelan, pengumpulan data dan analisis data yang digunakan untuk menyiapkan eksperimen/ laporan.

5.3.3.3 Analisis Statistik (*Statistical Analysis*)

Analisis statistik penting untuk mengolah data kajian kepada bentuk yang mudah difahami bagi tujuan analisis, interpretasi dan melaporkan hasil kajian.

5.3.4 Jangkaan Hasil (*Research Outcome*)

Merupakan jangkaan hasil yang akan diperolehi daripada cadangan kajian yang akan dijalankan.

5.3.5 Carta Alir (*Flow Chart*)

Keseluruhan aktiviti penyelidikan yang akan dijalankan dinyatakan secara ringkas dalam bentuk diagram serta dilabelkan sebagai Rajah (*Figure*) (**Lampiran K**).

5.3.6 Carta Gantt dan Carta Perbatuan (*Gantt Chart and Milestones*)

Carta Gantt ialah ilustrasi grafik dalam bentuk carta bar yang menunjukkan jadual kerja penyelidikan bagi membantu pelajar merancang, menyelaraskan dan menjejak tugas spesifik di dalam kajian yang dijalankan. (**Lampiran L**).

5.3.7 Bajet (*Budget*)

Bahagian ini menyenaraikan jumlah anggaran kos yang diperlukan untuk melaksanakan projek penyelidikan yang dicadangkan. Ini termasuk bahan pakai buang, bahan kimia, peralatan dan alatan sedia ada. Contoh anggaran belanjawan adalah seperti dalam **Lampiran M**.

5.4 Bahagian Hujung

Bahagian hujung dalam sesebuah laporan cadangan perlu memuatkan bahagian rujukan, bahagian lampiran dan laporan Turnitin.

5.4.1 Rujukan (*References*)

5.4.1.1 Tajuk “RUJUKAN” dalam jenis huruf TIMES NEW ROMAN 12 poin perlu diletakkan dibahagian tengah halaman baharu, manakala senarai rujukan perlu ditulis dalam jenis huruf TIMES NEW ROMAN 12 poin.

5.4.1.2 Laporan yang menggunakan karya penulis atau sarjana lain, sama ada dalam petikan langsung atau sebagai rujukan dalam teks perlu menyenaraikan semua sumber berkenaan.

5.4.1.3 Rujukan yang berusia lebih daripada 10 tahun tidak digalakkan, kecuali bagi kajian yang bercorak falsafah, sejarah, teori dan konvensional.

5.4.1.4 Bahan rujukan dari laman web perlu dipastikan kesahihan sumbernya.

5.4.1.5 Dokumen, laporan, tesis atau artikel dari pihak berwajib, institusi pendidikan atau penyelidikan, dan penerbit tertentu perlu diberi

keutamaan berbanding dengan kenyataan, pandangan atau laporan dari individu atau organisasi yang bersifat komersil atau hiburan.

5.4.1.6 Format rujukan perlu mengikut gaya American Psychological Association (APA) atau APA Electronic Reference Format edisi terbaru yang boleh didapati di <https://owl.english.purdue.edu/owl/resource/560/01/>.

Contoh penulisan rujukan seperti di **Lampiran N**.

5.4.2 Lampiran

5.4.2.1 Lampiran merupakan maklumat tambahan dalam bentuk jadual, rajah, persamaan, sampel, teks, carta alir, data asal, *schematics circuit* (dengan senarai komponen), gambar atau bentuk lain yang ditempatkan secara berasingan di halaman selepas bab terakhir laporan. Maklumat ini melengkapkan lagi teks laporan, tetapi ia mungkin terlalu berlebihan untuk disertakan dalam teks utama. Jika tidak disertakan, ia tidak sama sekali menjejaskan maksud dan kualiti teks utama.

5.4.2.2 Bahagian ini memuatkan bahan-bahan tambahan yang dirujuk dalam laporan akhir, termasuklah ilustrasi tambahan, temubual dengan responden, data asal dan petikan yang terlalu panjang sehingga tidak dapat dimuatkan ke dalam teks atau mana-mana dokumen sokongan kepada huraian di dalam laporan akhir.

5.4.2.3 Lampiran yang disebut dalam teks sahaja perlu dimuatkan dalam halaman lampiran.

5.4.2.4 Lampiran perlu dinombor dengan huruf besar (A, B, C, ...) secara berturutan (jika terdapat lebih daripada satu (1) lampiran, tanpa

mengira (merentasi) bab laporan dan dinyatakan dalam teks utama yang berkenaan. Contoh, Lampiran A, Lampiran B dan seterusnya. Rujuk halaman 26 hingga 67 untuk contoh Lampiran.

5.4.3 Laporan Turnitin (Turnitin Similarity Report)

Pelajar perlu menyerahkan laporan keaslian Turnitin (<25%) bersama-sama dua salinan laporan cadangan kepada penyelarass kursus Projek Penyelidikan 1 (**Lampiran O**).

5.5 Penyerahan Laporan Cadangan Projek Penyelidikan I

5.5.1 Penyerahan Laporan Akhir Projek Penyelidikan 1 untuk penilaian

5.5.1.1 Pelajar perlu menghantar satu (1) salinan laporan cadangan projek penyelidikan I untuk tujuan pemeriksaan kepada penyelarass kursus pada tarikh yang ditetapkan. Laporan ini hendaklah dikepilkan bersama borang berikut;

- Borang Penyerahan Laporan Projek Akademik Untuk Pemeriksaan (**Lampiran P**)

6.0 Proses Pengurusan

6.1 Proses pengurusan Laporan Cadangan Projek Penyelidikan 1 adalah seperti yang ditunjukkan dalam **Lampiran Q1** dan **Lampiran Q2**.

7.0 Perkara Lain

7.1 Borang Kemudahan Makmal

7.1.1 Pelajar yang akan menggunakan kemudahan makmal sepanjang menjalankan Projek Penyelidikan I iaitu selepas pembentangan cadangan haruslah mengisi Borang Permohonan Menggunakan Kemudahan Makmal seperti berikut:

- Borang Permohonan Bahan Kimia (jika berkaitan) (**Lampiran R1**)
- Borang Permohonan Peralatan Makmal (jika berkaitan) (**Lampiran R2**)
- Borang Kebenaran Bekerja di Dalam Makmal Selepas Waktu Pejabat (Jika berkaitan) (**Lampiran R3**)
- Borang Menjalankan Penyelidikan (**Lampiran R4**)

7.2 Borang Kemudahan *Agro Techno Park* (ATP)

7.2.1 Pelajar yang akan menggunakan kemudahan *Agro Techno Park* (ATP) sepanjang menjalankan Projek Penyelidikan I haruslah mengisi borang:

- Borang Permohonan Perkhidmatan Projek Tahun Akhir/Penyelidikan Pejabat *Agro Techno Park* (**Lampiran S**).

7.3 Borang Kemudahan Makmal dan Borang Kemudahan *Agro Techno Park* (ATP) tidak perlu diletakkan di dalam laporan cadangan projek penyelidikan dan dihantar secara berasingan.

8.0 Etika Penyelidikan

8.1 Pelajar dikehendaki mengikut garis panduan dan prosedur yang betul dan selamat dalam menjalankan penyelidikan. Oleh yang demikian, untuk memastikan perkara

ini dipatuhi oleh para pelajar, laporan cadangan penyelidikan pelajar akan dinilai oleh Jawatankuasa Etika di peringkat PTJ, yang dilantik oleh pihak fakulti.

8.2 Sehubungan dengan itu, pelajar hendaklah mengisi dan menghantar permohonan etika penyelidikan melalui penyelia masing-masing. Borang yang digunakan ialah:

- Borang Permohonan Penilaian Kepatuhan kepada Etika Penyelidikan Peringkat PTJ (**Lampiran T**).

8.3 Manakala, borang-borang etika penyelidikan berikut juga perlu diisi mengikut kesesuaian kajian penyelidikan yang dijalankan. Terdapat tiga jenis borang utama etika penyelidikan dan mengikut pecahan masing-masing iaitu:

a) Dua (2) borang bagi Etika Biokeselamatan dan Biosekuriti iaitu:

- *Biorisk Assessment Form* (**Lampiran U1**)
- *Preliminary Assessment Form* (**Lampiran U2**)

b) Satu (1) borang bagi Etika Haiwan:

- *Application for Approval of a Project Involving the Use and Care of Animals Form* (**Lampiran V**)

c) Empat (4) borang bagi Etika Manusia:

- *Application Form for UMK REC (Human)* (**Lampiran W1**)
- *Respondent's Information Sheet and Informed Consent Form* (**Lampiran W2**)
- *Respondent's Information Sheet and Guardian's/ Parent Consent Form* (**Lampiran W3**).
- *General Reference for Researcher Regarding Research Ethics for Human* (**Lampiran W4**)

9.0 Kaedah Pentaksiran

- 9.1 Kaedah pentaksiran untuk Laporan Cadangan Penyelidikan 1 adalah dilakukan secara berterusan merangkumi ujian, laporan kemajuan, laporan cadangan penyelidikan dan pembentangan.
- 9.2 Rubrik pemarkahan yang digunakan untuk setiap kaedah pentaksiran (kecuali ujian) adalah seperti di dalam **Lampiran X1** sehingga **Lampiran X3**.


RUJUKAN

Universiti Malaysia Kelantan. 2018. Panduan Laporan Projek Akademik Prasiswazah UMK, Edisi Kedua. Pejabat Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa) Universiti Malaysia Kelantan


LAMPIRAN


Lampiran A

Tajuk Halaman



Bab, Tajuk dan Tajuk Kecil Teks





Petikan

In Chapter 2, the designed characteristics of the CLMP was finalized. According to Nagatani et al. (2000), because of the high estimated load of the CLMP, the driver circuit (L298) will consume high currents. To ensure the proper operation of this component, a heat sink is required. An additional aluminum plate, as designed in Section 2.6, is suggested to be attached to the L298 to function as a heat sink. A rough estimation on the dimensions of the heat sink can be obtained by using the following equation (David & Rosenberg, 2018),

$$A = h \left(\frac{T_{\max} - T_{\text{amb}}}{P_{\text{tot}}} - R_{jc} \right)^{-1} \quad (3.3)$$

where P_{tot} is the maximum rated power which is equal to 25W, T_{amb} is the ambient temperature which is equal to 30°C, T_{\max} is the maximum rated temperature which is equal to 150°C, R_{jc} is the junction-case thermal resistance which is equal to 3°CW⁻¹, h is the heat transfer coefficient which is equal to 537Wm⁻²C⁻¹ and A is the suggested area of the heat sink. Based on these values and by using Equation (3.3), the area of the heat sink was found to be 0.001035m². Since the height of the L298 chip is 2.3cm, the length of the heat sink can be calculated to be 4.5cm. Figure 3.14 shows the close-up view of designed heat sink and Table 3.2 gives the finalized dimensions of the heat sink.

Contoh Jadual, Rajah dan Persamaan

Jadual

Table 2.1: Mean of main effect based on different number of post larvae.

Main effect	Effect of water temperature during transportation			
	Initial	60 PL	80 PL	100 PL
Survival (%)	100	96.11 ± 0.56 ^b	95.00 ± 0.96 ^b	91.67 ± 0.96 ^a
Dissolved oxygen (mg/L)	2.60	1.72 ± 0.02 ^a	1.72 ± 0.01 ^b	1.65 ± 0.02 ^a
Salinity (ppt)	0.25	0.02 ± 0.01 ^a	0.15 ± 0.01 ^b	0.17 ± 0.03 ^b
pH	7.15	6.87 ± 0.09 ^a	6.98 ± 0.03 ^a	6.90 ± 0.11 ^a

Means within column with different letter(s) indicate significant difference between treatments by Tukey's HSD test at $P \leq 0.05$. Columns represent the mean values ± standard error.

Jadual 2.2: Masalah pelaksanaan siri ISO 9001 di Malaysia menurut organisasi.

Masalah	Ya		Tidak	
	Bilangan	Peratus	Bilangan	Peratus
Kekurangan tenaga pakar	15	57.7	11	42.3
Terpaksa melantik juru perunding	18	69.2	8	30.8
Melibatkan kos yang tinggi	21	80.8	5	19.2
Terpaksa menyediakan tabung khas	22	84.6	4	15.4
Peruntukan tidak mencukupi	17	65.4	5	19.2

Sumber: Kadir Arifin (2003).

Jadual 2.3: Perbandingan antara ISO 9001:2000 dan ISO 14001:1996


ISO 9001: 2000		ISO 14001:1996	
Pengenalan		Pengenalan	
Umum	0.1		
Pendekatan Proses	0.2		
Hubungan dengan ISO 9004	0.3		
Kebolehubungan dengan sistem pengurusan lain	0.4		
Skop	1	1	Skop
Umum	1.1		
Aplikasi	1.		
Rujukan Normatif	2	2	Rujukan Normatif

Sumber: Xxxx (2017).

Rajah



Figure 2.1: Seaback turtle found in Terengganu waters (Source: Xxxx, 2016).



Rajah 3.2: Min tahunan kelembapan bandingan bandar (Sumber: USDA, 2017).

Persamaan

$$\sum_{i=n}^n A = 9 \quad (3.2)$$

PANDUAN UMUM PENGGUNAAN SIMBOL DAN SINGKATAN

A. Unit

1. Gunakan unit Sistem Antrabangsa (SI, daripada International System of Units). Unit hendaklah ditulis bersama simbol, bukan perkataan, contohnya

- 3 cm, bukan tiga sentimeter

a) Gunakan singkatan unit dan jangan campur, contohnya

- 3 s bukan 3 saat atau 3 sec. atau 3 seconds
- 2 m bukan 2 meter

b) Angka dan unit mestilah dipisahkan dengan ruang, contohnya

- 3 s, bukan 3s.
- 3 ms^{-1} , 3 kgms^{-2} , 4N, 3 L

c) Unit-unit yang digunakan menurut nama orang hendaklah ditulis

- 4 joule atau 4 J
- 3 newton atau 3 N
- 2 watt atau 2 W

d) Penggunaan unit hendaklah sekata sepanjang penulisan

- 3 m/s^2 atau 3 ms^{-2}

e) Unit tidak diberikan tanda noktah diujung ayat

f) Penggunaan singkatan untuk Sistem Antarabangsa boleh dirujuk di

<https://www.nist.gov/sites/default/files/documents/2016/12/07/sp330.pdf>

B. Nama

1. Dalam jadual dan graf, gunakan singkatan nama bulan, contohnya;
 - Jan., Feb., dan seterusnya
2. Singkatan untuk nama orang diberi ruang, contohnya;

A.R. Badol, bukan A.R.Badol
3. Singkatan untuk semua huruf besar tidak diberi tanda titik, contohnya;

UMK, PPTA, TNR, UMNO dan sebagainya

C. Nombor

1. Angka digunakan Bersama-sama unit ukuran, contohnya;
 - 3 cm, 4 kg, 200 s dan sebagainya
2. Pada umumnya, nombor-nombor kurang daripada 12 hendaklah dieja kecuali bersama-sama nombor-nombor lain, contohnya
 - 5, 10, 15, 100 dan 2015

Elakkan penggunaan angka atau symbol pada awalan ayat

3. Sifar hendaklah disertakan untuk nombor perpuluhan, contohnya
 - 0.1, bukan .1.
4. Nombor hingga empat digit iaitu 9999 ditulis rapat tanpa koma dan ruang. Begitu juga dengan titik perpuluhan. Nombor lebih daripada empat digit ditulis dengan ruang, contohnya
 - 10 000, 1000 000 dan 10 000 000.
 - 0.0001, 0.000 01.
5. Tarikh ditulis tanpa koma, contohnya 16 Januari 1992
6. Tahun Sebelum Masehi ditulis dalam bentuk 100 S.M.
7. Julat tahun ditulis dalam bentuk 1820-1910, 1991-82

- Gunakan solidus (/) dan bukan sempang (-) untuk tempoh masa waktu dua belas bulan, contoh 1991/92
- Nombor perpuluhan seperti 4.1 hendaklah dibezakan daripada hasil darab titik seperti $4 \times 1 = 4$ kali 1.

D. Matematik dan Fizik

- Gunakan unit SI
- Gunakan huruf kecil untuk perkataan-perkataan umum seperti hukum, petua, teorem bagi hukum Ohm, petua tangan Fleming dan sebagainya
- Pastikan penggunaan tanda simbol yang betul
- Singkatan bagi semua huruf besar ditulis tanpa titik, contohnya ATP dan RPM.
Singkatan bagi semua huruf kecil ditulis dengan titik, contohnya r.p.m.
- Persamaan dinomborkan mengikut bab.

E. Kimia

- Gunakan tatanama IUPAC
- Nama bahan-bahan kimia biasanya dieja, contohnya gas hidrogen bukan gas H_2
- Gunakan symbol, contohnya Cu^{2+} , bukan Cu^{++} .
- Ikatan kimia boleh ditulis dalam bentuk $CH_3 CO Cl$ atau $CH_3-CO-Cl$
